

UmChello Kampus)
UMP 15/10/14 (Rabu)
m/s 26

kerjasama dengan Motorola

KUANTAN 14 Okt. - Universiti Malaysia Pahang (UMP) bekerjasama dengan syarikat gergasi telekomunikasi dan komputer, Motorola Solutions Malaysia (Motorola) untuk melaksanakan program khas bagi meningkatkan pembangunan modal insan dan kebolehpasaran graduan.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pensyarah dan pelajar universiti ini akan menggunakan modul latihan dan peralatan Motorola dalam meningkatkan kemahiran sebagai nilai tambah untuk berdepan pasaran global yang kompetitif.

“Kerjasama ini bakal memberi manfaat dalam pembangunan modal insan, penyelidikan dan teknikal selaras komitmen pengantarabangsaan yang terkandung dalam Pelan Strategik UMP 2011-2015.

“Walaupun UMP mempunyai kepakaran dan keupayaan dalam penyelidikan, namun kita masih memerlukan pihak industri dalam penyediaan sokongan teknikal, latihan, pemindehan teknologi dan inisiatif pengkomersialan,” kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan antara UMP dan Motorola di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Pengarah Urusan Motorola Solutions, Dr. Hari Narayan dan Pengarah Pusat Kecemerlangan IBM, Dr. Mohamad Ariff Ameen.

Menurut Dr. Daing Nasir, usahasama pintar ini menjadi lebih mudah dan bermanfaat dengan kewujudan Pusat Kecemerlangan IBM di universiti ini.